

MIC Anjur Pesta Ponggal Kebangsaan Ahad Ini
Bernama
20 Februari , 2012

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- MIC akan menganjurkan Pesta Ponggal Peringkat Kebangsaan 2012 di Kapar, Selangor pada Ahad ini, menurut Setiausaha Agungnya, S.Murugessan.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka hadir pada acara itu di Kuarters Tenaga Nasional Bhd itu, yang akan dimuatkan dengan pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung.

"Pesta ini boleh menjadi tempat untuk memupuk perpaduan...ia menepati saranan Perdana Menteri supaya kita (rakyat Malaysia) bersatu padu tanpa mengira bangsa dan agama," katanya kepada pemberita di sini, pada Isnin.

Menurut Murugessan, ia juga memberi peluang kepada barisan pemimpin MIC untuk mendekati pengundi yang akan menunaikan tanggungjawab mereka pada pilihan raya umum akan datang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646726>